

Slaid ini telah disediakan bagi menyokong

Perubahan iklim dan unit pendidikan pembelajaran kanak-kanak perempuan

Bahan ini hanya boleh digunakan dengan merujuk kepada sumber utama yang meliputi arahan penuh tentang bagaimana untuk menggunakannya di dalam kelas anda dan dengan rakan kongsi yang berkerjasama dalam projek ini.

Dibiayai oleh



Foreign, Commonwealth
& Development Office

The Climate Connection

Perubahan iklim dan pendidikan anak perempuan: Himpunan/pek Sumber Sekolah

www.britishcouncil.org/connectingclassrooms



Kandungan

Title	Slide	Title	Slide
Apakah perubahan iklim?	4	Senario jantina	18
Bagaimanakah perubahan iklim berlaku dikawasan berhampiran anda?	5	Ketidaksamaan jantina	19
Risiko yang membahayakan	6	Isu-isu yang timbul hasil daripada malapetaka dan krisis	20
Indeks risiko iklim terhadap kanak kanak	7	Pendidikan kanak-kanak perempuan	21
Bagaimana menyelamatkan planet kita	8	Ketidaksamaan jantina dan perubahan iklim	22
Simulator penyelesaian perubahan iklim	9	Kepimpinan wanita dan perubahan iklim	23
Keadilan iklim	10	Mengambil peluang atau mengeksploitasi planet dan manusia	24
Perubahan iklim: Siapakah yang paling bertanggungjawab	11	Bidang utama pendidikan kanak-kanak perempuan	25
A) 20 teratas pelepasan asap/ bahan kekotoran tertinggi	12	Video-video penggiat/aktivis belia	26
B) Pencemaran CO ₂ tertinggi per kapita	13	Kemahiran untuk pekerjaan berkaitan konsep hijau	27
C) Dari manakah datangnya pelepasan CO ₂ sejak tahun 1751?	14	Pendekatan menyeluruh sekolah	28
D) Hubungkait antara KDNK (Keluaran dalam negara kasar) setiap penduduk dan pelepasan CO ₂	15	Perubahan tingkah laku atau sistem?	29
E) Peratus pelepasan CO ₂ oleh penduduk dunia dari segi kesaksamaan/ kesamarataan, ekuiti dan keadilan/pembebasan.	16	Senario main peranan	30
Kesaksamaan/ekuiti dan pembebasan	17		

Apa itu Perubahan Iklim

Climate Change 2021 The Physical Science Basis
(8 mins 40 secs) IPCC

<https://www.youtube.com/watch?v=e7xW1MfXjLA&t=532s>

Kesan Rumah hijau



Sesetengah cahaya matahari yang dicermin-balikkan kepada ruang manakala selebihnya menjadi haba

Gas rumah hijau mencegah haba daripada terlepas ke ruang angkasa, yang akan memanaskan planet dunia



Bagaimanakah perubahan iklim berlaku di kawasan berhampiran anda atau dikawasan anda?

Apa?	20 tahun lalu atau lebih	Sekarang/masakini
Suhu melampau (terlalu sejuk atau terlalu panas)		
Hujan yang telampau lebat		
Banjir		
Ribut petir yang teruk		


Risiko Bahaya



Indeks Risiko Iklim terhadap Kanak-kanak

[Sila pautkan ke peta interaktif](#)


- Semakin gelap warnanya semakin tinggi risiko kesan perubahan iklim kepada kanak-kanak
- Apakah corak yang anda dapat perhatikan dan garapkan?
- Bahagian dunia manakah yang paling berisiko?
- Bagaimanakah situasi atau keadaan di negara anda?



Bagaimana menyelamatkan planet kita?


<https://www.ourplanet.com/en/>

(© WWF, Netflix and Silverback Films 8 mins 27 secs)



Simulator Penyelesaian Perubahan Iklim


Klik di pautan laman web, pergi dan tekan “The EN-Roads Simulator”, kemudian gerakan peluncur dan seterusnya anda saksikan sendiri kesan terhadap pelepasan CO₂. Seterusnya pergi kepada menu “Help” dan pilih “related examples” untuk memahami peluncur dengan lebih baik.



<https://www.climateinteractive.org/>


Keadilan iklim

- Keadilan iklim menghubungkan hak asasi manusia dan pembangunan untuk mencapai satu pendekatan berpaksikan manusia, memelihara hak-hak orang yang paling mudah terdedah serta berkongsi memikul beban dan faedah perubahan iklim secara bersama dan berkongsi impak secara samarata dan adil.
- Mereka yang paling banyak memikul tanggungjawab untuk pelepasan gas rumah hijau dan mempunyai kapasiti untuk bertindak semestinya bertindak mengurangkan pelepasan gas terlebih dahulu.
- Mereka yang telah mendapat manfaat dan masih mendapat manfaat daripada pelepasan gas itu dalam bentuk pembangunan ekonomi serta peningkatan kekayaan secara berterusan terutamanya dalam kalangan negara perindustrian, sepatutnya mempunyai kewajipan etika untuk berkongsi faedah dengan pihak yang sekarang ini menghadapi kesan buruk daripada pelepasan gas itu, terutamanya orang yang mudah terdedah dengan kesan pelepasan gas dalam kalangan negara-negara yang sedang membangun.



Perubahan iklim- siapakah yang paling bertanggungjawab?

- Secara sepintas lalu, baca hujah hujah ini dan rujuk kepada graf dalam slaid.
- Buat keputusan tentang kedudukan anda digarisan setuju/tidak setuju bagi setiap hujah dan rekod/tulis jawapan anda.
- Sepintas lalu sila semak semula jawapan anda dan akhirnya anda boleh melaraskan semula jawapan anda jika anda rasa perlu
- Sila baca tafsiran pada lembaran aktiviti




Tidak setuju

tidak pasti


setuju



A) 20 Pelepas tahunan karbon Dioksida yang tertinggi dalam tahun 2018



B) Pencemar CO₂ per Kapita tertinggi




www.economicshelp.org |
Source: The World Bank EN.ATM.CO2E.PC (2018 data)
Accessed 18 August 2021

C) Dari manakah asalnya pelepasan CO₂ sejak tahun 1751?

Siapakah penyumbang yang terbanyak kepada pelepasan CO₂ global?



Jumlah timbunan pelepasan CO₂ dalam jangkamasa tahun 1751 hingga 2017. Angka adalah berasaskan kepada pengeluaran berpaksikan pelepasan yang diukur (x) yang dihasilkan secara tempatan daripada pembakaran minyak fosil dan simen dan tidak dibenarkan untuk dilepaskan dalam perdagangan (seperti berasaskan kegunaan). Pelepasan hasil daripada perjalanan antarabangsa adalah tidak diambilkira.




Figures for the 28 countries in the European Union have been grouped as the 'EU-28' since international targets and negotiations are typically set as a collaborative target between EU countries. Values may not sum to 100% due to rounding.

Data source: Calculated by Our World in Data based on data from the Global Carbon Project (GCP) and Carbon Dioxide Analysis Center (CDIAC). This is a visualization from [OurWorldinData.org](https://www.ourworldindata.org), where you find data and research on how the world is changing.

Licensed under CC-BY by the author Hannah Ritchie.


D) Terdapat satu korelasi yang kukuh atau kuat antara Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar per kapita, (satu ukuran kekayaan sesebuah negara) dan pelepasan CO₂ (ton) diseluruh dunia daripada tahun 1960 sehingga 2014.

Tajuk: Pelepasan CO₂ (juta Ton)



X axis: KDNK sebenar Per Kapita (pada harga 2010)


E) Peratusan pelepasan CO₂ oleh penduduk/ populasi dunia



Source: Oxfam

Tajuk?

Gambaran
kesamarataan/
kesaksamaan/
ekuiti dan
pembebasan




Gender scenarios

A: Anak perempuan sulung dalam sesebuah keluarga mahu belajar hingga ke sekolah menengah. Beliau sangat pandai dalam matapelajaran matematik. Namun, ibubapanya mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai kemampuan untuk menghantar beliau ke sekolah menengah. Ibunya pula memerlukan beliau untuk menolongnya memasak, menjaga adik lelakinya dan juga melakukan pelbagai kerja rumah.

B: Seorang anak perempuan belasan tahun/remaja mahu memulakan satu kelab anak gadis untuk membuat satu sistem pengairan yang mengawal kemarau atau kekeringan bekalan air bagi tujuan menolong para petani tempatan. Projek ini dapat membantu tanaman hidup segar dalam keadaan kemarau akibat daripada perubahan iklim. Majlis berkuasa tempatan tidak meluluskan permohonan mereka untuk mengadakan sistem pengairan itu kerana pihak majlis tempatan berfikir bahawa para gadis itu tidak mempunyai kemahiran untuk melaksanakan projek itu.



Ketidaksamaan jantina



Isu hasil daripada malapetaka dan krisis

Isu	Siapa yang paling terkesan			Sebab?
	lelaki	Perempuan	Kedua-dua lelaki dan perempuan	
Kekurangan zat makanan/ malnutrisi akibat daripada keluarga kehilangan hasil tanaman dan juga pendapatan				
Sakit daripada penyakit berjangkit akibat daripada keadaan tidak bersih dan kekurangan air minuman yang selamat				
Peningkatan kerja rumah/domestik dan penjagaan untuk ahli keluarga lain				
Berhenti bersekolah kerana ketiadaan dana belanja sekolah				
Peningkatan tekanan untuk menolong keluarga mencari pendapatan bagi sokongan keluarga				
Dikahwinkan pada usia muda (untuk menjimatkan wang dan juga mendapat mas kahwin)				
Berpindah ke negara lain, dan tinggal di tempat perlindungan sementara				
Peningkatan kekerasan berasaskan jantina atau gangguan seksual				
Ibubapa yang stress/berada dalam tekanan, bimbang dan mempunyai masalah mental				
Terpaksa menempuh perjalanan jauh untuk mendapatkan sumber air atau bahan api kerana sumber tempatan telah rosak atau tercemar				

Pendidikan kanak-kanak Perempuan

- Pendidikan kanak-kanak perempuan
- Memberi anak perempuan dan lelaki akses atau peluang yang sama untuk mendapat pendidikan adalah satu cara mengatasi masalah ketidaksamaan jantina.
- Dengan pendidikan walaupun sekurang-kurangnya di tahap akhir sekolah menengah, membolehkan anak-anak perempuan hidup lebih sihat, dapat memilih kehendaknya sendiri dan juga memperoleh pendapatan yang lebih.
- Pendidikan juga dapat membolehkan anak-anak perempuan membuat keputusan mereka sendiri tentang bila mereka hendak berkahwin atau tidak, berapa ramai anak yang mereka inginkan dan bila mereka mahukan anak. kanak-kanak ini juga berkemungkinan akan membesar dengan lebih sihat.
- Telah terdapat banyak bukti bahawa masyarakat secara menyeluruh telah mendapat kebaikan dan manfaat daripada kanak-kanak perempuan yang mempunyai pendidikan.
- Namun begitu, di dalam dunia sekarang, 129 juta kanak-kanak perempuan telah tercicir daripada persekolahan termasuk 32 juta pada usia sekolah rendah, 30 juta di usia sekolah menengah rendah dan 67 juta ketika usia sekolah menengah atas.

Kenapa terjadi kes yang sebegini? Apakah yang boleh dilakukan berkaitan perkara ini?




Ketidaksamarataan/ ketidaksaksamaan Jantina dan Perubahan Iklim

A: orang lelaki tergolong dalam 60 peratus penutur aktif dalam COP26 (Persidangan Iklim Antarabangsa 2021) semasa sesi pleno dan telah bercakap sebanyak 74 peratus daripada masa yang diperuntukkan.

B: 80 peratus daripada orang yang telah dipindahkan dan terkesan oleh bencana yang berkaitan dengan perubahan iklim diseluruh dunia adalah terdiri daripada wanita dan kanak-kanak perempuan.

C: Ketidaksamarataan yang dihadapi oleh anak-anak perempuan boleh bermula sejak mereka dilahirkan dan berlanjutan sehingga ke seluruh perjalanan hidup mereka. Pada waktu terjadinya kejadian yang berkaitan dengan kejutan iklim, pihak keluarga mungkin kembali kepada norma-norma jantina dan membuat keputusan yang memudaratkan anak-anak perempuan seperti memberhentikan mereka bersekolah dan mengkahwinkan mereka dalam usia yang muda.

D: Hanya 29% daripada kerja-kerja hijau seluruh dunia dipenuhi oleh wanita. Apabila negara-negara berada dalam proses peralihan untuk memfokus kepada ekonomi hijau, wanita menghadapi risiko untuk disisihkan daripada peluang dan jawatan-jawatan penting.



Kepimpinan wanita dan perubahan iklim

Kajian pada tahun 2019 dalam kalangan 91 negara mendapati bahawa dengan wujudnya lebih ramai wanita berada di parlimen, polisi berkaitan dengan perubahan iklim adalah lebih ketat, begitu juga pelepasan karbon yang rendah. Adalah didapati bahawa mereka lebih cenderung untuk mengadakan polisi-polisi perlindungan alam sekitar yang lebih kukuh.



(Yale Climate Connections 2018)



Mengeksploitasi manusia dan Planet

Ramai orang telah menyimpulkan bahawa salah satu daripada alasan kenapa kita menghadapi kecemasan iklim dan alam semulajadi adalah kerana kita sering mengandaikan kedudukan diri kita itu lebih tinggi daripada alam semula jadi dan planet itu adalah untuk kita kuasai dan eksploitasi. Banyak masyarakat dikendalikan oleh manusia dalam kaedah yang sama iaitu menguasai dan mengeksploitasi mereka yang kurang berkuasa, seperti wanita dan kanak-kanak perempuan. Pendidikan kanak-kanak perempuan dan pencapaian kesaksamaan jantina boleh jadi satu laluan penting bagi menangani pemacu yang tersirat dalam perubahan iklim dan keunikan kelemahan iklim yang dihadapi oleh kanak-kanak perempuan dan wanita.

Pendidikan kanak-kanak perempuan terutamanya pendidikan peringkat menengah telah dikenalpasti sebagai penentu sosio-ekonomi yang terpenting bagi mengurangkan kelemahan yang berkait dengan bencana yang berhubungan dengan cuaca dan cuaca melampau. (Malala Fund 2021)



Bidang utama untuk pendidikan kanak-kanak perempuan

Pemeriksaan


Memberi kanak-kanak perempuan (dan wanita) akses yang lebih kepada perancangan keluarga dan hak kesihatan yang membolehkan mereka membuat lebih banyak pilihan sendiri.

Kemahiran

Memastikan bahawa kanak-kanak perempuan mempunyai akses untuk mendapat pendidikan yang bermutu/berkualiti dan juga boleh berfikir secara kritikal, menyelesaikan masalah, berdaya tahan dan mempunyai kemahiran yang diperlukan bagi menyesuaikan diri dengan ekonomi hijau.

Kepimpinan

Memberi anak-anak perempuan keyakinan, kemahiran dan peluang untuk terlibat dalam membuat keputusan dan memainkan peranan kepimpinan dalam ruang lingkup secara formal dan tidak formal



Video-video penggiat/aktivis

- Mitzi Jonelle Tan, Youth Activists for Climate Action Philippines
<https://www.youtube.com/watch?v=AyyUPr0plg8>
- Oli, campaigning against forced marriages in Bangladesh
<https://www.youtube.com/watch?v=yvMQ90sCOGg>
- Gauri Shukla, Students of Singapore against Haze
<https://www.connect4climate.org/event/innovate4climate-2019-digital-media-zone>
(Day 2: June 5 – start one minute into the video)
- Elizabeth Wathuti, Green Generation Initiative, Kenya
<https://www.youtube.com/watch?v=N1iKg2Ug3Zk&t=45s>
- Helena Gualinga, indigenous activist, Sarayaku community, Ecuador
<https://www.youtube.com/watch?v=a04JPKheFpw>
- Malala Yousafzai, Education activist and Nobel Peace Prize winner, Pakistan
<https://www.youtube.com/watch?v=NlqOhxQ0-H8>

Satu Rangka Kerja Kemahiran Hijau

Kemahiran untuk kerja-kerja hijau

Kemahiran-kemahiran ini bertujuan untuk memenuhi keperluan pekerjaan hijau dan menyokong peralihan kepada ekonomi hijau yang rendah karbon.

Keupayaan khusus

Kemahiran perniagaan
Analisis data
Kejuruteraan
Keusahawanan
Pengurusan alam sekitar dan ekosistem
Pengetahuan dan kesedaran alam sekitar
Kemahiran kewangan
Kemahiran ICT
Kemahiran inovatif
Kemahiran pemasaran
Pengurusan projek
Kemahiran penyelidikan
Kemahiran jualan
Kemahiran sains
Kemahiran teknologi
(Kemahiran Pemerksaan jantina)

Instrumental

Kemahiran Hidup Hijau

Kemahiran yang merentasi yang dapat memenuhi kedua-dua kemahiran teknikal, instrumental, dan adaptif, pengakiran yang transformatif.

Keupayaan generik

Kebolehsuaian
Kerjasama
Pemikiran kolaboratif
Komunikasi
Dapat menangani emosi
Dapat menangani ketidakpastian
Kreativiti
Pemikiran kritikal dan penaakulan
Membuat keputusan
Empati
Keluwes/ fleksibiliti
Pemikiran pertumbuhan
Kemahiran berfikir aras tinggi
Kecekapan/kompetensi interpersonal
Kepimpinan
Perundingan
Hubungan jaringan
Pemikiran terbuka
Kemahiran penyertaan
Penyelesaian masalah
Kedayatahanan
Pemikiran strategik
Kerja berpasukan

Kemahiran untuk transformasi hijau

Kemahiran adaptif bertujuan untuk menukar sistem ekonomi dan sosial yang tidak adil

Keupayaan transformatif/ perubahan

Kebolehan untuk menganalisa sistem kuasa yang tidak seimbang dan samarata
Pembentukan pakatan
Tindakan bersama/kolektif
Pemikiran disruptif/ terganggu berbanding dengan normatif
Kepengurusan alam sekitar
Pemikiran jangkaan dan masa hadapan
Pemikiran integratif/kesepaduan
Pemikiran antara disiplin dan pelbagai disiplin
Pemikiran saling berhubungan
Agensi politikal dan aktivisme
Refleksitiviti
Menghormati kepelbagaian pendapat
Solidariti/perpaduan
Pemikiran sistem
Trans-budaya, trans-ruang dan trans-temporal
Menilai ilmu tradisional dan asli/pribumi
Berkerja dalam lingkungan kerumitan

Transformatif

Pendekatan seluruh sekolah



Diadaptasi daripada sekolah lestari
DCSF 2006

Perubahan tingkah laku atau perubahan sistem bagi menangani perubahan iklim? Susun dan beri keutamaan atau kepentingan kepada pernyataan berikut:

Perubahan tingkah laku	Kedua-duanya sekali	Perubahan sistem

Senario main peranan/ role play

Terdapat satu cadangan untuk membina satu lombong arang batu yang besar di kawasan luar bandar yang bergantung kepada pertanian, namun baru-baru ini kawasan itu telah sangat teruk terkesan oleh keadaan cuaca yang melampau. Di kawasan ini, peranan jantina adalah tradisional, dimana kaum wanita adalah sebagai suri rumah manakala kaum lelaki pula adalah sebagai pencari pendapatan dan pembuat keputusan yang utama. Mutu pendidikan adalah rendah: kebanyakan anak-anak perempuan berhenti bersekolah pada usia 13 atau 14 tahun serta tidak boleh membaca dan mengira matematik asas.

- Cadangan ini akan membentuk banyak pekerjaan di dalam kawasan itu yang mempunyai pengangguran yang tinggi dan kemiskinan tempatan.
- Cadangan ini akan membantu menyediakan tenaga yang murah dan boleh dipercayai.
- Walaubagaimanapun, sekolah menengah di kawasan itu perlu diubah ke bandar sebelah dan menyebabkan pelajar melakukan perjalanan harian yang lama untuk ke sekolah

- Sekolah rendah pula terletak terlalu dekat dengan lombong yang akan menyebabkan bising dan juga pencemaran udara.
- Lombong akan mengambil ramai pekerja tempatan yang terdiri daripada orang lelaki dewasa dan kanak-kanak lelaki yang tidak akan bekerja di ladang lagi
- Pencemaran dan kehilangan alam semula jadi akan menyebabkan pengeluaran makanan berkurangan (tanaman kurang diusahakan)
- Bekalan air tempatan berkemungkinan akan tercemar dan oleh kerana itu sumber air perlu diperolehi dan diambil dari tempat yang agak jauh
- Sebilangan besar pekerja lelaki daripada bandar lain akan berhijrah ke sini
- Terdapat peningkatan dalam pelepasan Karbon
- Pembangkang kepada projek ini adalah terdiri daripada kaum wanita yang menggelarkan kumpulan mereka sebagai “Ibu-ibu untuk masa hadapan”.